



GIATMARA SENDIRIAN BERHAD

## KENYATAAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

NO SEBUT HARGA	TAJUK KERJA	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT SEBUT HARGA	HARGA SENASKHAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
GM 400/122/RMK12/32/2022	CADANGAN PEROLEHAN PERKAKASAN ICT KURSUS TEKNOLOGI ANIMASI GIATMARA IPOH BARAT, PERAK	210101, 210102 & 210103	22/08/2022 Hingga 02/09/2022	05/09/2022 Isnin Pendaftaran: 10.30 Pagi  Tempat: Bilik Tun Razak, Wisma GIATMARA	RM 5.00	09/09/2022 (Sebelum 12.00 Tengah Hari)

- Pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih **sah** tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen:-
  - Sijil asal Akuan Pendaftaran Kontraktor dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
  - Sijil asal Akuan Pendaftaran Kontraktor **BUMIPUTERA** dengan **KEMENTERIAN KEWANGANMALAYSIA**
- Satu (1) salinan SIJIL ASAL di atas hendaklah dikemukakan untuk simpanan **GIATMARA** semasa mengambil dokumen. **GIATMARA** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan GIATMARA ianya tidak layak. **Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.**

3. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dan **SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** untuk pengesahan.

- Dokumen Sebutharga boleh diperolehi **pada waktu Pejabat (10.00 pagi – 4.00 petang)** di **Wisma GIATMARA** seperti alamat **di bawah**. Bayaran dokumen sebut harga boleh dibuat sama ada melalui **tunai/wang pos** atas nama **GIATMARA SDN. BHD.** Wang ini tidak akan dikembalikan.
- Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab pembekal.**
- GIATMARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **GIATMARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
- Dokumen Sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan **No. Sebutharga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga** seperti alamat di bawah:-

Ketua Pegawai Eksekutif  
GIATMARA Sdn. Bhd.  
Wisma GIATMARA  
No. 39 Jalan Medan Tuanku  
50300, Kuala Lumpur

Pada atau **sebelum** tarikh tutup sebut harga jam **12.00 tengahari**

- Dokumen sebutharga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebutharga tidak akan diterima dan akan ditolak.
- Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.giatmara.edu.my>